



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

18 OGOS 2019

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

18 Ogos 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 2.00 petang menunjukkan 4 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 58 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **1 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat iaitu di stesen ILP Miri, Sarawak (IPU 159)** manakala **2 stesen mencatatkan bacaan pada tahap sangat tidak sihat iaitu di stesen Sri Aman, Sarawak (IPU 256) dan stesen Rompin, Pahang (IPU 224).**

Kebakaran di Kuala Baram, Miri Sarawak telah berjaya dipadamkan melalui operasi Water Bombing dengan bantuan pesawat Bombardier CL415 hasil kerjasama pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang bermula pada 15 Ogos 2019. Tindakan ini telah berjaya menurunkan bacaan IPU di kawasan Miri, Sarawak. Kerja-kerja pemadaman masih giat dilakukan untuk mengelakkan kebakaran kembali berulang dan merebak. Stesen di Sri Aman, Sarawak pula mencatatkan bacaan IPU pada tahap Sangat Tidak Sihat disebabkan oleh kebakaran belukar tanah gambut yang berhampiran dan diburukkan lagi dengan jerebu merentas sempadan dari Kalimantan, Indonesia.

Bacaan IPU pada tahap Sangat Tidak Sihat di Rompin, Pahang disebabkan

oleh kebakaran belukar tanah gambut di perkampungan orang asli Sembayan seluas 8 ekar berhampiran dengan stesen dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di stesen berkenaan. Tindakan pemadaman telah dilakukan oleh pihak Bomba bagi mengawal kebakaran tersebut.

Di samping itu, kebakaran hutan yang berlaku Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak dan menyebabkan status kualiti udara negara pada tahap sederhana.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **17 Ogos 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 19*, 26 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 169 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan 2 titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara iaitu di Johor dan Sarawak. Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **17 Ogos 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Riau, Jambi dan selatan Sumatera dan asap bergerak ke arah ke Selat Melaka. Lingkaran asap jerebu turut kelihatan di Kalimantan Tengah, Selatan dan Barat, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim


Dikeluarkan pada: 2.00 petang, 18 Ogos 2019

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-2983395	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
--	---

PETA JEREBU SERANTAU 17 OGOS 2019

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation



Scattered showers fell over many areas in the Mekong sub-region today. In the southern ASEAN region, dry weather persisted over most parts of the region, except for some showers over parts of central Sumatra, Peninsular Malaysia and northern and eastern parts of Borneo. In Sumatra, hotspots with smoke haze continued to be detected in the provinces of Riau, Jambi and South Sumatra. Moderate to dense smoke haze was observed to emanate from persistent hotspots detected in South Sumatra. Under the prevailing southeasterly to southerly winds, smoke haze from Sumatra is being blown toward the Strait of Malacca. In Kalimantan, moderate to dense smoke haze from persistent hotspots in the Central and West Kalimantan continued to be observed. Some of the smoke haze from West Kalimantan has been blown to western Sarawak.

Updated 6:32 PM 17 Aug

Weather and Haze Outlook

For the next few days, scattered showers are forecast over the northern ASEAN region, and the prevailing winds are likely to blow from the southwest or west. In the southern ASEAN region, generally dry conditions are forecast, particularly over areas south of the equator. The prevailing winds are forecast to blow from the southeast or southwest. Hotspot activities in Sumatra and Kalimantan are likely to persist.

Updated 6:32 PM 17 Aug



BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 17 OGOS 2019

TARIKH : 17 OGOS 2019
HARI : SABTU
SATELIT : NOAA19

NEGARA : MALAYSIA		
BIL.	NEGERI	HOTSPOT
1.	JOHOR	1
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	0
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	0
11.	SARAWAK	1
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
JUMLAH HOTSPOT		0

NEGARA SERANTAU		
BIL.	NEGARA	HOTSPOT
1.	SUMATERA	26
2.	KALIMANTAN	169
3.	BRUNEI	0

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 2.00 PETANG, 18 OGOS 2019

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 18/08/2019 14:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	62**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	59**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	63**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	62**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	58**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	61**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	60**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	64**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	66**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	65**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	75**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	70**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	80**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	61**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	80**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	79**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	84**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	81**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	82**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	83**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	85**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	83**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	82**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	74**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	81**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	76**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	76**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	75**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	77**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	69**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	68**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	61**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	59**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	59**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	53**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	74**	Moderate

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 18/08/2019 14:00	
		API	CLASS
CA37C	Rompin, PAHANG	224**	Very Unhealthy
CA38C	Temerloh, PAHANG	66**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	63**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	68**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	71**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	68**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	71**	Moderate
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	68**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	56**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	53**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	55**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	32**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	38**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	51**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	52**	Moderate
CA52S	Keningau, SABAH	50**	Good
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	56**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	38**	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	159**	Unhealthy
CA56Q	Miri, SARAWAK	59**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	58**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	59**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	55**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	52**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	57**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	56**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	256**	Very Unhealthy
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	68**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	64**	Moderate

Summary CAQM KU (Current API Value & Class)

API Class	Number of Areas
Good	4
Moderate	58
Unhealthy	1
Very Unhealthy	2
Hazardous	0
NA	0

MCAQM KU (Current API Value & Class)

STATION ID	LOCATION	Date/Time:18/08/2019 14:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	95**	Moderate
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	80**	Moderate
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	53**	Moderate

